

# Sumber air mentah Sungai Langat semakin susut



**KUALA LUMPUR** – Seorang pakar forensik alam sekitar mendakwa bahawa sumber bekalan air mentah yang boleh digunakan dari Sungai Langat, Selangor kini semakin sedikit apabila hanya sepanjang 49.3 kilometer (km) daripada 149.3km keseluruhan panjang sungai tersebut didapati bersih untuk tujuan pengumpulan sumber air.

Penggarah Institut Pendidikan Alam Sekitar Pantai Timur (Eseri), Universiti Sultan Zainal Abidin, Prof. Madya Dr. Hafizan Juahir (**gambar kecil**) berkata, keadaan itu disebabkan oleh pencemaran yang terlalu teruk akibat aktiviti pembangunan tanah untuk tujuan perumahan di sepanjang sungai tersebut. Menurut beliau, bahagian 49.3km



mati. "Guna tanah yang terlalu tinggi di kawasan Sungai Langat memberi kesan negatif terhadap kualiti air yang akibat pembuangan sisa domestik, organik dan kumbahan ke dalam sungai.

"Walaupun air tersebut mungkin boleh diawat, namun kos rawa-

yang boleh digunakan sebagai sumber bekalan air mentah untuk keperluan penduduk itu tertetek di bahagian hulu manakala kira-kira 100km lagi bahagian sungai-sungai yang bersih tetapi telah tercemar hingga memasuki pemecaman kelas 3 dan 4.

Katanya, pencemaran sungai dikategorikan kepada lima kelas iaitu 1 dan 2 belum tercemar diikuti kelas 3 dan 4 tercemar secara serius, manakala kelas 5 dikira sebagai sungai mati.

"Pencemaran yang terlalu tinggi di kawasan Sungai Langat memberi kesan negatif terhadap kualiti air yang terlalu teruk akibat pembuangan sisa domestik, organik dan kumbahan ke dalam sungai secara fizikal dan kimia. "Pencemaran fizikal biasanya terdiri daripada hakisan tanah yang terhakis ketika hujan, manakala pencemaran kimia berpunca melalui penggunaan racun dan bahan kimia untuk aktiviti pertanian dan industri," katanya.

tanya akan meningkat dan ia memberi kesan kepada kadar tarif air," katanya kepada Kosmo! baru-baru ini.

Dalam pada itu, Hafizan berkata, bahagian sungai-sungai yang bersih di negara ini juga semakin mengecil akibat guna tanah yang terlalu drastik di kawasan tebing sungai.

Menurut beliau, kebiasaannya hanya kawasan hulu sungai mempunyai kualiti air yang bersih, manakala bahagian hilir mengalami pencemaran yang teruk.

"Pembukaan tanah dalam skala besar dan terbuka untuk tujuan pembalakan, pertanian serta pembangunan juga boleh mencemarkan sungai secara fizikal dan kimia. Terdiri daripada hakisan tanah yang terhakis ketika hujan, manakala pencemaran kimia berpunca melalui penggunaan racun dan bahan kimia untuk aktiviti pertanian dan industri," katanya.

HANYA air dari bahagian hulu Sungai Langat, Selangor yang boleh digunakan sebagai sumber bekalan air mentah untuk keperluan orang ramai.

kosmo 24/06/2014